

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 Pengenalan.**

Bab ini akan membincangkan kesimpulan daripada dapatan kajian. Selain itu, beberapa cadangan juga akan dikemukakan.

#### **5.2 Rumusan**

##### **5.2.1 Kategori Pencapaian Akademik**

Dapatan menunjukkan sebanyak 44.8% pelajar mendapat pencapaian akademik tinggi berbanding 34.3% mendapat pencapaian akademik sederhana dan 21.0% pelajar sahaja mendapat pencapaian akademik rendah. Ini menunjukkan lebih 50.0% pelajar sekolah ini mendapat pencapaian akademik tinggi berbanding pencapaian akademik rendah.

##### **5.2.2 Taburan Taraf status sosioekonomi**

Sebanyak 16.2% pelajar dalam kajian ini adalah dari keluarga yang berstatus sosioekonomi tinggi berbanding 25.7% dari status sosioekonomi sederhana dan 58.1% dari status sosioekonomi rendah. Dapatan menunjukkan kebanyakan pelajar adalah dari keluarga yang mempunyai taraf status sosioekonomi rendah .

##### **5.2.3 Pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik**

Dapatan menunjukkan pelajar yang datang dari keluarga yang berpendapatan antara RM100-900 ,3 1.1% mendapat pencapaian akademik tinggi,

35.6% pelajar mendapat pencapaian akademik sederhana dan 33.3% mendapat pencapaian akademik rendah. Daripada kalangan keluarga berpendapatan antara RM1000-2000 , 41.9% pelajar mendapat pencapaian akademik tinggi , manakala 41.9 % mendapat pencapaian akademik sederhana dan hanya 16.3% sahaja mendapat pencapaian akademik rendah. Manakala peratusan pelajar yang datang dari keluarga berpendapatan lebih daripada RM3000 , 88.2 % mendapat pencapaian akademik tinggi , dan 11.8% pelajar mendapat pencapaian akademik sederhana. Dapatan menunjukkan tiada pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi mendapat pencapaian akademik rendah.

Analisis data menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara jumlah pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik. Ini menunjukkan jumlah pendapatan ibu bapa mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak. Semakin tinggi pendapatan ibu bapa semakin tinggi pencapaian anak-anak mereka.

#### **5.2.4 Pekerjaan ibu dengan pencapaian akademik**

Dari aspek pekerjaan ibu pula, dapatan menunjukkan 61.5% pelajar yang ibu mereka bekerja dalam kategori pengurusan dan profesional mendapat pencapaian akademik tinggi manakala 30.8% pelajar mendapat pencapaian sederhana dan 7.7% mendapat pencapaian rendah. Manakala 53.8% pelajar yang mempunyai ibu bekerja dalam kategori kumpulan sokongan mendapat pencapaian tinggi , 38.5% pelajar mendapat pencapaian sederhana dan 7.7% pelajar mendapat pencapaian rendah. Bagi pelajar yang ibu mereka bekerja dalam

kategori pekerja separuh mahir dan tidak mahir , 40.5% mendapat pencapaian tinggi , 34.2% mendapat pencapaian sederhana dan 25.3% mendapat pencapaian rendah.

Analisis data menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian akademik . Ini menunjukkan pekerjaan ibu tidak mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak.

### **5.2.5 Pekerjaan bapa dengan pencapaian akademik**

Dapatan menunjukkan 76.5% pelajar yang bapa mereka bekerja dalam kategori pengurusan dan profesional mendapat pencapaian tinggi , 17.6% mendapat pencapaian sederhana dan 5.9% sahaja mendapat pencapaian rendah. Manakala 48.1% pelajar yang bapa mereka bekerja dalam kategori sokongan mendapat pencapaian tinggi , 37.0% mendapat pencapaian sederhana dan 14.8% mendapat pencapaian rendah. Bagi kategori pelajar yang bapa mereka bekerja dalam sektor perburuhan dan pekerjaan separuh mahir , 34.4% mendapat pencapaian tinggi , 37.7% mendapat pencapaian sederhana dan 27.9% pelajar mendapat pencapaian rendah.

Analisis data menunjukkan terdapat terdapat perkaitan yang signifikan di antara pekerjaan bapa dengan pencapaian akademik . Ini menunjukkan pekerjaan bapa mempengaruhi penapaian akademik anak-anak . Semakin tinggi taraf pekerjaan bapa semakin tinggi pencapaian akademik anak-anak mereka .

### **5.2.6 Tahap pendidikan ibu bapa**

Seramai 9.5% pelajar mempunyai ibu bapa yang berkelulusan ijazah berbanding 16.7% pelajar mempunyai ibu bapa yang berkelulusan STPM atau diploma. Manakala 41.0% pelajar mempunyai ibu bapa berkelulusan SPM , 15.2% berkelulusan SRP dan hanya 1.0% bersekolah setakat Sekolah Agama dan 13.3% bersekolah setakat sekolah rendah sahaja. Sementara itu , 3.8% pelajar sahaja yang mempunyai ibu bapa yang tidak pernah bersekolah. Analisis data menunjukkan peratusan pelajar yang mempunyai ibu bapa yang berkelulusan SPM adalah lebih tinggi berbanding kelulusan yang lain .

### **5.2.7 Tahap pendidikan dengan pencapaian akademik**

Dari segi tahap pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik , didapati 80.0% pelajar yang ibu bapa mereka berkelulusan Ijazah mendapat pencapaian tinggi , 10.0% mendapat pencapaian sederhana dan 10.0% pelajar lagi mendapat pencapaian rendah. Bagi pelajar yang mempunyai ibu bapa berkelulusan STPM dan Diploma , 64.7% mendapat pencapaian tinggi , 35.3% mendapat pencapaian sederhana dan tiada pelajar dalam kategori ini yang mendapat pencapaian rendah. Dapatan juga menunjukkan 34.9% pelajar yang ibu bapa mereka berkelulusan SPM mendapat pencapaian tinggi , 41.9% mendapat pencapaian sederhana dan 23.3% pelajar mendapat pencapaian rendah. Sementara itu , 100.0% atau seramai 4 orang pelajar yang mempunyai ibu bapa yang tidak pernah bersekolah mendapat pencapaian tinggi .

Analisis data menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik anak-anak . Ini menunjukkan tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak . Semakin tinggi tahap pendidikan ibu bapa semakin tinggi pencapaian akademik anak-anak mereka.

#### **5.2.8 Kawasan tempat tinggal dengan pencapaian akademik**

Dapatan menunjukkan 52.3% pelajar yang datang dari kawasan bandar mendapat pencapaian tinggi , 29.5% mendapat pencapaian sederhana dan 18.2% mendapat pencapaian rendah. Bagi pelajar yang datang dari kawasan luar bandar pula , 66.7% mendapat pencapaian tinggi , 16.7% mendapat pencapaian sederhana dan 16.7% lagi mendapat pencapaian rendah. Manakala peratusan pelajar dari kawasan Tanah Rancangan Felda yang mendapat pencapaian tinggi ialah sebanyak 36.4% manakala 40.0% pelajar mendapat pencapaian sederhana dan 23.6% lagi mendapat pencapaian rendah.

Analisis data menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara kawasan tempat tinggal dengan pencapaian akademik . Ini menunjukkan kawasan tempat tinggal tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

#### **5.2.9 Kemudahan Fizikal di rumah dengan pencapaian akademik**

Seramai 45.1% pelajar yang mempunyai kemudahan pembelajaran yang lengkap di rumah mendapat pencapaian tinggi , 34.3% mendapat pencapaian sederhana dan 20.6% mendapat pencapaian rendah. Sementara itu , hanya 3.3% sahaja pelajar yang tidak mempunyai kemudahan pembelajaran yang lengkap

mendapat pencapaian tinggi manakala 3.3% lagi mendapat pencapaian sederhana dan 3.3% lagi mendapat pencapaian rendah.

Analisis data menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara kemudahan fizikal di rumah dengan pencapaian akademik . Ini menunjukkan kemudahan fizikal tidak mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak.

### **5.3 Cara asuhan dan sikap ibu bapa**

Dapatan kajian menunjukkan 49.1% pelajar yang ibu bapa mereka selalu memastikan mereka menyiapkan kerja rumah , mendapat pencapaian tinggi , 26.3% mendapat pencapaian sederhana dan 24.6% mendapat pencapaian rendah. Manakala 52.9% pelajar yang ibu bapa mereka kadang-kadang sahaja memastikan anak membuat kerja rumah mendapat pencapaian tinggi , 35.3% mendapat pencapaian sederhana dan 11.8% mendapat pencapaian rendah . Sementara itu , 32.3% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah memastikan mereka menyiapkan kerja rumah mendapat pencapaian tinggi , 48.4% mendapat pencapaian sederhana dan 19.4% mendapat pencapaian rendah. Analisis data menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang di antara sikap ibu bapa yang memastikan anak menyiapkan kerja rumah dengan pencapaian akademik.

Dari segi sikap ibu bapa yang sentiasa mengambil berat tentang keputusan peperiksaan , dapatan menunjukkan 42.4% pelajar yang ibu bapa mereka selalu mengambil berat , mendapat pencapaian tinggi , 35.3% mendapat pencapaian sederhana dan 22.4% mendapat pencapaian rendah. Manakala 33.3% pelajar yang

ibu bapa mereka tidak pernah mengambil berat , mendapat pencapaian tinggi , 66.7% mendapat pencapaian sederhana dan tiada pelajar mendapat pencapaian rendah. Analisis data menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang di antara sikap ibu bapa yang mengambil berat tentang keputusan peperiksaan dengan pencapaian akademik .

Bagi sikap mendorong anak supaya gigih berusaha agar mendapat pekerjaan dan gaji yang tinggi , 45.6% pelajar yang ibu bapa mereka selalu mendorong mendapat pencapaian tinggi , 32.4% mendapat pencapaian sederhana dan 22.1% mendapat pencapaian rendah. Manakala 70.0% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah mendorong supaya gigih berusaha mendapat pencapaian tinggi , 15.0% mendapat pencapaian sederhana dan 15.0% lagi mendapat pencapaian rendah. Analisis menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap ibu bapa yang sentiasa mendorong anak supaya gigih berusaha dengan pencapaian akademik . Ini menunjukkan sikap ibu bapa yang sentiasa mendorong mempengaruhi penapaian akademik .

Bagi kategori sikap ibu bapa yang sentiasa bertanya tentang pelajaran anak, 46.7% mendapat pencapaian tinggi , 34.4% mendapat pencapaian sederhana dan 18.9% mendapat pencapaian rendah. Sementara itu 28.6% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah bertanya tentang pelajaran sekolah mendapat pencapaian tinggi , 26.6% mendapat pencapaian sederhana dan 42.9% mendapat pencapaian rendah . Analisis menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap ibu bapa yang sentiasa bertanya tentang pelajaran anak dengan pencapaian akademik .

Sementara itu , 51.6% pelajar yang ibu bapa mereka menyediakan jadual belajar yang tetap mendapat pencapaian tinggi , manakala 29.7% mendapat pencapaian sederhana dan hanya 18.8% sahaja mendapat pencapaian rendah. Pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah menyediakan jadual belajar yang tetap , 55.6% mendapat pencapaian tinggi , 33.3% mendapat pencapaian sederhana dan 11.1% mendapat pencapaian rendah. Analisis menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap ibu bapa yang menyediakan jadual belajar dengan pencapaian akademik . Ini menunjukkan sikap ibu bapa yang menyediakan jadual belajar yang tetap mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak.

Bagi kategori sikap ibu bapa yang membantu anak dalam pelajaran , 56.3% pelajar yang ibu bapa mereka selalu membantu mendapat pencapaian tinggi , 18.8% mendapat pencapaian sederhana dan 25.0% mendapat pencapaian rendah . Manakala 44.4% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah membantu anak dalam pelajaran mendapat pencapaian tinggi , 38.1% mendapat pencapaian sederhana dan 17.5% mendapat pencapaian rendah. Analisis menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap ibu bapa yang membantu anak mereka dalam pelajaran dengan pencapaian akademik.

Bagi kategori sikap ibu bapa yang memberi kata rangsangan , 39.1% mendapat pencapaian tinggi , 41.3% mendapat pencapaian sederhana dan 19.6% mendapat pencapaian rendah. Sementara itu , 55.6% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah memberi kata rangsangan mendapat pencapaian tinggi , 33.3% mendapat pencapaian sederhana dan 11.1% mendapat pencapaian rendah .



Analisis menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap ibu bapa yang sentiasa memberi kata rangsangan dengan pencapaian akademik .

Seramai 46.8% pelajar yang ibu bapa mereka selalu memberi ganjaran jika mendapat keputusan baik , mendapat pencapaian tinggi , 32.9% mendapat pencapaian sederhana dan 20.3% mendapat pencapaian rendah . Manakala 25.0% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah memberi ganjaran mendapat pencapaian tinggi , 25.0% mendapat pencapaian sederhana dan 50.0% pelajar mendapat pencapaian rendah. Analisis menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap ibu bapa yang sentiasa memberi ganjaran dengan pencapaian akademik.

Dapatan kajian mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara sikap ibu bapa yang menyediakan jadual belajar yang tetap dan sikap ibu bapa yang sentiasa memberi dorongan agar gigih berusaha dengan pencapaian akademik . Ini menunjukkan sikap ibu bapa yang sentiasa memberi dorongan mempengaruhi pencapaian akademik anak mereka .

#### **5.4 Cadangan dan kesimpulan**

Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan di antara taraf sosioekonomi keluarga dengan pencapaian akademik . Justeru , pihak sekolah seharusnya berperanan mengenal pasti masalah-masalah pelajar mereka terutama yang membabitkan kewangan . Pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga perlu memainkan peranan terutama dalam membantu sekolah menyediakan kemudahan pembelajaran yang lengkap . Pelbagai program seperti projek anak angkat dan

kelas pemulihan boleh dijalankan oleh pihak sekolah. Pelajar yang lemah dan datang dari keluarga yang kurang berkemampuan perlu dikenal pasti dan diberi keutamaan untuk dibantu.

Kajian juga mendapati terdapat perkaitan yang signifikan di antara cara asuhan dan sikap ibu bapa dengan pencapaian akademik anak-anak. Ibu bapa yang bersikap positif dengan sentiasa memberi galakan dan rangsangan supaya anak-anak berjaya sangat berpengaruh dalam menentukan prestasi anak-anak. Justeru, ibu bapa perlu sedar bahawa sekolah tidak boleh mengambil alih peranan ibu bapa sepenuhnya dalam fungsi mengajar dan mendidik anak-anak. Ibu bapa perlu bersama-sama melibatkan diri dalam merangsang perkembangan kognitif anak.

Pelbagai program boleh dijalankan dalam memberi kesedaran kepada ibu bapa contohnya mengadakan ceramah keibubapaan. Acara ini boleh diselitkan dalam Mesyuarat Agung PIBG. Peluang ini seharusnya digunakan untuk memberi panduan kepada ibu bapa tentang cara asuhan yang berkesan terhadap anak-anak.

Ibu bapa juga harus meluangkan masa untuk melibatkan diri dengan aktiviti di sekolah anak-anak. Penyerahan dan pengambilan kad kemajuan anak oleh ibu bapa juga merupakan satu cara dan peluang untuk ibu bapa bertanya tentang kemajuan anak-anak mereka di sekolah. Guru-guru juga berpeluang untuk berkenalan dan mengenal pasti masalah pelajar mereka.

Akhir sekali, dalam konteks kehidupan hari ini pendidikan memainkan peranan dalam pembangunan negara. Justeru, dalam usaha untuk memartabatkan

mutu pendidikan di negara kita , prestasi dan pencapaian pelajar perlu sentiasa dipantau oleh pelbagai pihak terutamanya pihak sekolah dan ibu bapa.

Penglibatan ibu bapa sangat diharapkan kerana antara faktor penting dalam menentukan pencapaian pelajar adalah dorongan keluarga. Persekitaran keluarga yang harmoni dan bersikap mendorong pasti akan dapat menentukan kejayaan seseorang pelajar.